

Bah

Mahathir - Akhbar

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur akhbar-akhbar berbahasa Cina yang begitu ghairah mendokong konsep sistem dua parti dan +bermain dengan api+ apabila berkempen untuk parti lawan pada pilihan raya umum lepas.

Perdana Menteri berkata, mereka janganlah berfikir bahawa sistem dua parti boleh membawa keadilan dan kebahagiaan kerana sistem sedemikian yang diamalkan oleh semua negara Barat menghadapi pelbagai masalah.

+Janganlah fikir bahawa apa sahaja yang dibuat oleh orang kulit putih dari Barat adalah baik dan masanya sudah lama berlalu untuk kita harus mendewakan mereka,+ kata beliau selaku Presiden UMNO dalam ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Umno di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Katanya, bukan sahaja politik mereka tidak stabil dan ekonomi merosot bahkan sebuah kerajaan sistem dua parti di sebuah negara Barat yang terkemuka terpaksa ditutup beberapa hari kerana Presidennya tidak menandatangani peruntukan untuk membayar gaji.

+Apakah sebabnya kita harus meniru mereka secara membuta tuli sedangkan sistem politik dan falsafah mereka pun tidak sesuai dengan masyarakat mereka?,+ tanya beliau. -- Lagi.

♥30/11/11-55MST

CNS3880

U GB 30-11 00256 BA509

Bah

Mahathir - Akhbar 2 Kuala Lumpur

+Tidakkah dapat kita melihat bahawa sekarang mereka lebih kerap gagal daripada kita sendiri dan juga daripada negara-negara Timur yang lain yang penduduknya berkulit kuning, sawo matang ataupun hitam?+

Sambil memberikan ucapan dalam bahasa Inggeris, Datuk Seri Dr Mahathir bertanya kepada akhbar-akhbar berkenaan: +When are you going to lose your inferiority complex? Have some confidence in Malaysia's multi-party system. (Bilakah anda akan menghapuskan rasa rendah diri anda? Yakinlah dengan sistem pelbagai parti yang diamalkan oleh Malaysia).

+Cannot you see that it has served you well all these years of independence,? (Tidakkah anda lihat bahawa ia telah berjalan dengan baik untuk anda sepanjang tempoh tahun-tahun kemerdekaan ini?)+ tanya Perdana Menteri lagi.

+You are able to survive because of Malaysia's multi-party system. Under PAS you won't last two days. So do not abuse your rights especially on racial matters. (Anda dapat terus wujud kerana adanya sistem pelbagai parti di Malaysia. Di bawah PAS anda tidak akan tahan dua hari. Jadi janganlah menyalahgunakan hak anda terutama mengenai perkara-perkara perkauman.+

Beliau berkata, Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum jauh lebih berjaya daripada negara-negara Barat dalam membendung gejala perkauman di samping membangunkan ekonomi negara.

Statistik jelas membuktikan pembangunan ekonomi negara dan kemewahan bandar-bandar Malaysia yang ramai penduduknya bukan bumiputera, adalah nyata dan dapat dirasakan, tambah beliau.

+Mengapa akhbar Cina menutup mata kepada yang nyata dan membenarkan diri dikongkong oleh falsafah dan cara-cara Barat dan memainkan api perkauman?+ katanya. -- Bernama.

▼30/11/11-55MST